

Banjir kilat di JB mungkin berulang

» *Projek tebatan Sungai Segget dijangka siap pertengahan tahun depan*


Oleh Junita Mat Rasid,
Suzaini Sulaiman
dan Balqis Jazimah Zahari
bhnews@bh.com.my

■ Johor Bahru

Banjir kilat dijangka terus melanda kawasan tengah bandar raya di sini ekoran musim monsun sepanjang tempoh dua bulan ini, kerana projek tebatan Sungai Segget dijangka siap sepenuhnya menjelang pertengahan tahun depan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) dan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bersiap sedia mengambil tindakan segera, termasuk mengepam keluar air.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Pulau, berkata laluan ke tengah bandar raya juga perlu ditutup bagi mengelak kenderaan terperangkap, selain memberi amaran kepada orang ramai sebagai persiapan awal.



Nur Jazlan melawat pintu air Sungai Sengget selepas taklimat di Johor Bahru, semalam.

[FOTO ZAIN AHMED/BH]

Tindakan awal

“Menurut IRDA, pelebaran Sungai Segget akan siap Jun tahun depan. Jadi sehingga itu, mungkin akan berulang lagi (banjir kilat). Yang penting tindakan awal MBJB dan IRDA mengepam air keluar, laluan trafik dihentikan supaya tidak berlaku kerosakan kereta dan rakyat serta penghuni berdekatan dimaklumkan awal.

“Kalau ada kemungkinan berlaku banjir (kilat), kita kena mak-

lumkan awal kepada pekerja pejabat dan penghuni supaya keluar. Banjir kilat mungkin berlaku 15 minit hingga sejam, tetapi dalam tempoh itu kerosakan harta benda berlaku. Jadi, kena maklumkan awal,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melawat tapak projek Sungai Segget dan taklimat berkaitan, di sini semalam. Yang turut hadir, Pesuruhjaya Persekutuan IRDA, Datuk Benjamin Hasbie.

Di **Kuala Selangor**, Pegawai Daerah Kuala Selangor merangkap Pengerusi Bencana Daerah, Shamsul Shahril Badlisza Mohd Noor, berkata amaran banjir Tahap 1 yang diisytiharkan terhadap empat kawasan sekitar daerah itu minggu lalu, ditarik balik selepas jumlah mangsa berkurangan di bawah 400 mangsa.

“Hanya satu pusat pemindahan masih lagi beroperasi iaitu Balai Raya Kampung Bukit Cherakah. Namun, pihak berkuasa akan te-



*Shamsul Shahril
Badlisza Mohd Noor*

rus memantau terutama rumah penduduk yang masih digenangi air,” katanya pada sidang media di pusat pemindahan banjir SK Parit Mahang, di sini, semalam.

Shamsul Shahril berkata, lapan pam yang dipasang Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor di sekitar daerah itu akan terus beroperasi bagi memastikan kenaikan air sungai dapat dikawal dengan segera.

Di **Ipoh**, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Datuk Yahya Madis, berkata bilangan mangsa banjir di Perak meningkat kepada 426 mangsa daripada 125 keluarga sehingga jam 6 petang, semalam.

Beliau berkata, pemindahan terbaharu membabitkan lima lelaki dan lapan wanita daripada empat keluarga yang dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Merah, daerah Kerian.